

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KE-14**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI YAMANI HAFEZ BIN MUSA
[SIPITANG]**

TARIKH : 15 DISEMBER 2020 (SELASA)

SOALAN

TUAN HAJI YAMANI HAFEZ BIN MUSA [SIPITANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sejauh mana keberhasilan Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) dan Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) yang diumumkan kerajaan awal tahun ini, bagi menggerak serta memulihkan ekonomi negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah mengumumkan Pakej-pakej rangsangan ekonomi PRIHATIN, PRIHATIN PKS TAMBAHAN, PENJANA dan KITA PRIHATIN yang keseluruhannya bernilai RM305 bilion. Secara keseluruhannya, terdapat lebih daripada 80 inisiatif yang telah diumumkan di bawah pakej-pakej rangsangan ekonomi tersebut di mana sebanyak RM176.3 billion atau 57.8% telah dibelanjakan setakat 27 November 2020.
2. Bagi pakej PRIHATIN dan PRIHATIN PKS TAMBAHAN yang bernilai RM260 bilion, sebanyak RM156.3 bilion atau 60% telah dibelanjakan setakat 27 November 2020.
3. Bagi pakej PENJANA pula, sebanyak RM15 bilion atau 43% daripada RM35 bilion yang diumumkan telah dibelanjakan sehingga 27 November 2020.
4. Bagi Pakej KITA PRIHATIN pula, sebanyak RM5 bilion atau 50% daripada RM10 bilion yang diumumkan telah disalurkan sehingga 27 November 2020.
5. Unit LAKSANA telah menjalankan Kaji Selidik PRIHATIN bagi melihat penerimaan rakyat terhadap inisiatif di bawah Pakej PRIHATIN pada 19 Ogos hingga 11 September 2020. Daripada 11,150 responden, sebanyak 76% responden berpuas hati dengan bantuan yang telah diberikan.
6. Melalui Kaji Selidik PRIHATIN ke atas perniagaan pula, laporan mencatatkan sekurang-kurangnya 68% kepuasan hati di kalangan empat kategori perniagaan terhadap inisiatif yang telah dilaksanakan. Pihak Unit LAKSANA dari semasa ke semasa memantau pelaksanaan inisiatif-inisiatif pakej rangsangan ekonomi bagi memastikan pelaksanaan adalah cekap, berkesan dan mencapai kumpulan disasarkan.

Sekian, terima kasih.